

09/10/2001

Amerika hormati pendirian Malaysia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Amerika Syarikat menghormati pendirian Malaysia yang enggan menyokong tindakan negara itu menyerang mana-mana negara dalam usaha memburu pengganas.

Perdana Menteri berkata, dalam perbualan telefonnya dengan Presiden George W Bush minggu lalu, pemimpin Amerika itu tidak memberi kata dua supaya Malaysia menyokong Amerika atau menyebelahi pengganas.

Sebaliknya, beliau berkata, Bush meminta Malaysia memerangi keganasan dengan kaedah sendiri walaupun berbeza dengan pendekatan yang diambil negara itu.

"Saya bercakap dengan Bush semasa dia hubungi saya menerusi telefon dan pada masa itu, dia tak tanya saya bahawa jika saya tak sokong Amerika Syarikat maka saya menyebelahi pengganas... dia tak sebut langsung perkara itu.

"Sebaliknya, apa yang beliau kata ialah kita perlu serang pengganas dengan cara masing-masing. Jadi, kita dengan cara kita dan dia dengan cara dia," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) di Dewan Rakyat, semalam.

Abdul Hadi bertanya mengenai sikap Malaysia terhadap kenyataan Bush yang dilaporkan berkata bahawa mana-mana pihak yang tidak menyebelahi Amerika menyerang Afghanistan, bermakna menyebelahi pengganas.

Dr Mahathir berkata, kenyataan awal Bush itu mungkin dibuat ketika beliau dalam keadaan marah selepas serangan berani mati terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington.

"Kita harus ingat semasa dia buat kenyataan itu dia dalam keadaan panas kerana baru saja berlaku (serangan) dan dia mungkin bercakap dengan emosional... tetapi nampaknya pendirian dia sudah berubah dan mungkin sudah sejuk sikit," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak menerima kenyataan awal Bush itu kerana negara menentang segala bentuk keganasan dan melihat tindakan menyerang Afghanistan tidak akan menyelesaikan masalah.

"Sikap kita mudah saja, kita tak boleh terima dakwaan kalau kita tak menyebelahi Amerika, kita menyebelahi pengganas. Kita tak menyebelahi pengganas. Kita menentang pengganas tetapi itu tidak semestinya kita menjadi rakan kepada Amerika dan menyokong tindakannya," katanya.

(END)